



SIARAN MEDIA
KEJOHANAN FUTSAL ANTARA BAHAGIAN-BAHAGIAN
KALI KE- 12
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT 2018

Kejohanan Futsal Antara Bahagian-Bahagian dibawah Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) telah diadakan pada hari Ahad, 30 September 2018 bertempat di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. Kejohanan futsal ini merupakan aktiviti tahunan yang dikendalikan oleh bahagian-bahagian di jabatan ini secara bergilir-gilir. Pada tahun ini, kejohanan ini telah dikendalikan oleh Bahagian Kompleks Perlindungan, Pemulihan dan Probesyen.

Kejohanan sehari yang dianjurkan buat kali ke-12 ini disertai oleh lima buah pasukan iaitu Pasukan Gabungan Pentadbiran dan Kewangan, dan Perhubungan Awam, Sumber dan Sukarelawan; Pasukan Bantuan Kebajikan Am; Pasukan Keluarga, Wanita, Kanak-Kanak, dan Kaunseling; Pasukan Kompleks Rumah Kebajikan; dan Pasukan Residen Kompleks Rumah Kebajikan

Pasukan Gabungan Pentadbiran dan Kewangan, dan Perhubungan Awam, Sumber dan Sukarelawan telah menjuarai kejohanan berkenaan selepas menumpaskan Pasukan Kompleks Rumah Kebajikan dalam perlawanan akhir dengan jaringan 2-0. Sementara itu, tempat ketiga bersama ialah Pasukan Bantuan Am dan Pasukan Residen Kompleks Rumah Kebajikan.

Hadir menyaksikan dan menyampaikan piala, pingat dan sijil kepada para pemenang kejohanan ialah Yang Mulia Dayang Rostinah binti Pehin OKSSP Dato Paduka Haji Mohd Tahir, Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat. Juara kejohanan menerima pingat dan piala rebutan yang disumbangkan oleh Pengarah Pembangunan Masyarakat manakala Juara Liga menerima sebuah piala.

Kejohanan ini antara lain bertujuan untuk mewujudkan gaya hidup sihat di kalangan para pegawai dan kakitangan melalui aktiviti sukan yang diadakan. Kejohanan ini juga bertujuan untuk menanai semangat kerjasama berpasukan di antara para ahli dalam pasukan dan juga di antara bahagian masing-masing, di samping untuk mengukuhkan hubungan silaturrahim yang sedia ada di antara pegawai dan kakitangan jabatan dan juga kementerian.

Bagi menyambung tradisi jabatan dalam mengeratkan semangat berkumpul dan kesukanan, Kejohanan Futsal Antara Bahagian-Bahagian dibawah Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) pada tahun 2019 nanti akan dikendalikan oleh Bahagian Orang Kelainan Upaya.

Tamat # #

Disediakan oleh:

Unit Perhubungan Awam

Jabatan Pembangunan Masyarakat

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan